

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan sekarang disambung semula bagi Perkara IX, iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Pada sidang yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah membuat kenyataan-kenyataan dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing. Sungguhpun demikian, dalam mengambil kira mengenai kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik itu, saya berpendapat seeloknyalah Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang suka untuk memberikan responsnya atau penjelasan yang ringkas terhadap perkara yang ditimbulkan yang perlu mendapat penjelasan.

Sekarang saya mempersilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk menyambung semula Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalaamu A'laa Asyrafil Anbiya Walmursaleen Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Rabiss rahli sadri, wa yassir li amri, wahlul ukdatam min lisani, yap kahu kauli.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Agenda perbincangan kita pada petang ini ialah Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Pertama-tama kita mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan Majlis dengan sebaik-baiknya dengan tidak ada cacat celanya. Untuk itu memanglah sesuai kalau kaola berpantun:-

Pagar buluh babatnya jarang,
Kembang melati kuntumnya rata,
Dalam sepuluh sakit seorang,
Tahukan hati menimbang rasa.

Dalam ucapan ini, kaola menyentuh 2 perkara:-

1. Kaola timbulkan perkara gaji Penghulu, Ketua Kampung yang telah dihasratkan sekian lama iaitu sejak 5 tahun yang lalu, dan kini telah direalisasikan sepenuhnya oleh kementerian berkenaan, dan diucapkan tahniah dan terima kasih; dan
2. Mengutarakan bagi pengurniaan pingat kehormatan dan bintang kebesaran kepada penulis-penulis

dan orang yang berkecimpung dalam bidang bahasa, sastera dan budaya iaitu Persatuan Asterawani Brunei dan lain-lain. Mudah-mudahan ia akan dapat direalisasikan bagi menyuntik semangat para penulis bahasa, sastera dan budaya dan orang-orang yang berkaliber mengangkatnya.

Dalam banyak hal, kaola menyedari bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien merupakan seorang raja dan pemimpin yang berpengetahuan dalam banyak hal.

Baginda memahami dan menyedari bahawa doa-doa para ulama, anak-anak yatim, ustaz-ustaz, imam-imam dan lain-lain adalah mustajab untuk memajukan dan mencapai cita-cita baginda, baginda mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam mentadbir negara sama seperti ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang sentiasa mengasihi dan menyayangi rakyatnya.

Kalau baginda tidak tahu luasnya langit, baginda bertanya kepada burung helang, jika baginda tidak tahu luasnya laut, baginda bertanya kepada ikan, jika baginda tidak tahu tentang lebarnya bumi, baginda akan terus bertanya kepada cacing, dan kalau baginda kurang faham

tentang luasnya padang, baginda bertanya kepada belalang. Sebab itulah dihubungkan dengan pantun:-

Pengiran bersabda di peterana,
Memakai baju selempang baldu,
Titah sepatah banyak makna,
Kalau dijumlah bukan seribu.

Mengenai pengurniaan pingat kehormatan dan bintang kebesaran yang kaola sebutkan itu, baginda juga telah tahu siapa pendukung-bahasa, sastera dan budaya sama seperti Pengiran Sarmayuda Pengiran Mohd. Salleh yang masyhur dengan Syair Rakisnya dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien masyhur dengan Syair Perlembagaannya dan beberapa syair baginda seperti Syair Rajang Hari, Rajang Jenaka dan lain-lain lagi.

Dengan demikian, karya-karya baginda itu hebat semuanya sehingga baginda digelar dengan julukan 'Arkitek Brunei Moden'. Penulis-penulis seperti Nur Ilham, Putera Ditanjung, Jamidul Hayat, Ali Tamin, Wan Muhammad, Yura Halim, Jamil Umar, Syukri Zain, Yahya MS, Badaruddin HO, Adi Rumi dan banyak lagi. Mereka ini berkumpul dalam Persatuan Asterawani yang selalu disebut di sana sini. Mereka ini sangat berjasa kepada negara dan mereka juga menyuntik semangat yang dinamik, progresif dan revolusi untuk memajukan Negara Brunei Darussalam dan adalah patut untuk dikenang jasa-jasa mereka itu.

Seorang lagi guru muda yang berani menyongsong angin dan arus dalam menjayakan cita-cita berbahasa dan berbudaya ini iaitu mendayungkan Asterawani. Jika kita imbas balik memang panjang ceritanya dan saya tidak akan memanjangkan cukuplah dengan menyebut namanya sahaja.

Ia telah berkorban dengan moral dan materialnya untuk mengangkat perlembagaan bertulis pada tahun 1959 dalam astrawaninya. Dia dianggap mendayung sebuah panggung wayang yang besar semata-mata untuk mengangkat dan memajukan bangsa dan negara.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan ayahanda baginda bergerak bersama-sama menjayakan cita-cita bangsa Brunei sendiri.

Kita imbas kembali pengorbanan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang menjadi teras dan teraju kepimpinan orang-orang Brunei. Penghulu dan Ketua Kampung itu sebagai indung yang sanggup berbasah bekaring (bertungkus lumus) menjalankan tugas dan cita-cita demi kemajuan bangsa Brunei. Tidak ada Penghulu dan Ketua Kampung dan tidak juga akan wujud jika Penghulu dan Ketua Kampung tidak diangkat oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri

Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien. Dengan adanya kedua-dua golongan seperti penulis dan penghulu itu telah berusaha dan berkorban dari segi materialnya untuk menjadikan Brunei maju dalam arena penulisan. Kaola akhiri dengan sebuah pantun:

Burung pingai dari Melaka,
Hinggap di dahan bunga kemboja,
Negara Brunei sudah merdeka,
Dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Itulah yang diangkat oleh penulis-penulis dan penghulu-penghulu selama ini untuk menjayakan cita-cita. Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas segala limpah, rahmat serta, izin-Nya jua, permesyuaratan ini berjalan selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda

yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun berjalan dengan lancar dan sempurna dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memimpin kesemua permesyuaratan yang bermula pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 hingga ke hari ini dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah memberikan jawapan kepada beberapa soalan yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini dalam suasana harmoni, persefahaman, muhibah dan saling menghormati.

Belanjawan sejumlah \$5,600 juta telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangat dijunjung tinggi dan menunjukkan betapa prihatinnya baginda terhadap kesejahteraan rakyat. Apa yang ditimbulkan di Dewan yang mulia ini ialah menjurus kepada mempertingkatkan keperluan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebagai merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua

Belas Majlis Mesyuarat Negara 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016, antara lain dalam titah baginda "supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan serta melipatgandakan dalam pemeduliaan permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada bermastautin di kawasan bandar mahupun di luar bandar".

Merujuk kepada peruntukan Pembinaan Jalan sejumlah \$89 juta disediakan dan ini akan dapat membanyakkan lagi rangkaian jalan yang akan dibina di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, mana-mana kawasan perumahan yang padat seperti Perumahan Negara di Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau yang sering mengalami kesesakan lalu lintas (trafik) terutamanya di kawasan keluar simpang, pusing keliling Mentiri dan pusing keliling Sungai Akar supaya akan dapat ditingkatkan dan dinaik taraf.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyokong langkah berjimat cermat yang sedang dijalankan oleh kerajaan yang berlaku dalam perkhidmatan awam yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) semasa membentangkan Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017.

Dalam hubungan ini, rakyat dan penduduk diseru untuk sentiasa berjimat cermat dalam merancang perbelanjaan dan sentiasa bijak dalam

penggunaan pemberian subsidi seperti tenaga elektrik, air, minyak, gas dan lain-lain.

Dalam kesempatan ini, kaola mewakili Kawasan Zon 2, Daerah Brunei dan Muara menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan kaola di Kawasan Zon 2 dalam tempoh 5 tahun yang akan berakhir pada 5 Mei 2016 ini.

Di dewan yang mulia ini, kaola memohon supaya peruntukan yang telah diluluskan akan dapat digunakan kepada projek-projek ataupun rancangan yang telah disusun, siap pada waktunya terutama sekali projek jalan raya, penaiktarafan sistem bekalan air. Masalah ini sentiasa dinantikan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah melaksanakan tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Sebelum kaola mengakhiri ucapan penggulungan ini kaola mengambil kesempatan untuk memohon maaf, jika ada tersuruk langkah (tindak tanduk), tutur kata yang terutama sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kaola akhiri dengan beberapa rangkap pantun.

Pergi ke bandar naik kereta,
Mari singgah di Kuala pekan,
Tersalah kata maaf dipinta,
10 jari hamba pohonkan.

Bintang barat terbit petang,
Bintang timur terbit pagi,
Jika tidak melarat pandang,
Ada umur ketemu lagi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Lebih dahulu kaola/saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis kerana dengan jayanya mempengerusikan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Kaola juga tidak lupa ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang memberikan taklimat dan jawapan yang komprehensif.

Kaola selaku Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, menyampaikan

permasalahan negara dan rakyat, walaupun kadang-kadang pendapat dan pandangan berbeza tetapi tujuan kita sama, demi penambahbaikan kehidupan, keharmonian, perekonomian, pembangunan, keagamaan dan lain-lain demi negara yang sama-sama kita cintai.

Dalam dunia yang serba mencabar ini, susah untuk diramal terutama harga minyak yang kita hampir sepenuhnya bergantung pada komoditi ini dan ditambah lagi dengan isu pengangguran yang perlu kita tangani bersama. Mekanismenya sudah ada, seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda memperkenalkan beberapa reformasi penting bagi mempelbagaikan ekonomi negara seperti *Foreign Direct Investment (FDI)* dan *Downstream Industry*.

Bagi perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana, apa yang tinggal adalah untuk merealisasikan matlamat kerajaan tersebut. Jika kita melihat sejarah Brunei, ujian yang lebih getir telah kita tempuhi. Berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ujian yang sedang kita hadapi pada masa ini,

insya-Allah akan kita selesaikan satu persatu dengan sokongan semua rakyat. Sebelum mengundur diri, kaola menyusun jari sepuluh, memohon ampun dan maaf sekiranya ada menyinggung perasaan di dalam Dewan mahupun yang di luar Dewan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ucapan Penagguhan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Dalam menyokong Usul Penagguhan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, kaola sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, kaola juga mengucapkan syabas dan tahniah

kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini, dengan cemerlangnya dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Dalam membahaskan Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017, semua Ahli Yang Berhormat telah diberi kesempatan untuk bercakap serta memberikan pandangan, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Pengerusi.

Bajet yang telah diperuntukkan iaitu berjumlah hampir \$500 juta, merupakan satu kurnia yang patut disyukuri dan dihargai dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, memberikan perhatian terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada musim permesyuaratan yang lepas.

Menghayati titah baginda itu, dengan penuh seribu makna dan nasihat untuk menjadi panduan dalam sama-sama menangani kegawatan ekonomi negara supaya Majlis Mesyuarat Negara berperanan sebagai ejen pencetus idea

bagi pembangunan ekonomi negara serta pemangkin ekonomi negara.

Menyentuh mengenai Pelan Strategi Kementerian-kementerian yang mendapat peruntukan masing-masing, saya penuh yakin dan percaya kiranya 70 peratus strategi yang telah digariskan akan dapat dilaksanakan, insya-Allah. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Negara Brunei Darussalam ini akan aman makmur serta mendapat limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita mengharapkan semua perancangan akan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan di samping kita berbelanja secara berhemah tanpa menjejaskan kepentingan masyarakat. Rakyat juga diseru akan sentiasa menanamkan semangat rajin berusaha, merebut peluang perniagaan yang sekarang ini telah diberikan berbagai-bagai kemudahan melalui perubahan, pelbagai prosedur dan sistem semata-mata untuk menjijakkan rakyat dan penduduk negara ini dalam bidang urus niaga bagi sara diri serta keluarga dan menjana ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), pelbagai rancangan telah dilaksanakan dan sedang dalam pelaksanaan bagi memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dapat menikmati pembangunan yang seimbang dengan keperluan semasa. Apa yang diharapkan supaya kementerian yang berkenaan akan dapat memberikan fokus kepada

bidang yang memberikan keuntungan yang besar kepada kerajaan dan rakyat serta penduduk negara ini.

Menyentuh mengenai keusahawanan yang perlu dikembangkan bagi membina belia yang ingin bergiat aktif dalam perniagaan dan industri kecil dan sederhana, peluang yang ada memang tersedia dan perlu direbut. Cuma apa yang penting, bagaimana mereka memulakan? Inilah yang agak sukar bagi mereka. Bagi melaksanakan perkara ini, pihak yang berwajib perlu memikirkan bagaimana mekanisme yang dapat merangsang belia ini bergiat dan menceburi bidang perniagaan yang mereka boleh lakukan.

Dicadangkan, agar Pusat Perniagaan untuk belia disediakan di keempat-empat daerah di negara ini. Dalam pusat tersebut disediakan ruang seperti kedai gunting rambut, dandan rambut, restoran tempat berjual jenis-jenis makanan ringan, kedai membaiki telefon, bengkel membaiki pulih kereta dan lain-lain yang dilengkapi dengan kemudahan yang diperlukan.

Setiap belia yang menjalani apa juga bidang kursus ditempatkan sementara menggunakan ruang tersebut bagi mempraktikkan apa jua kursus yang diikuti dalam berbagai-bagai bidang. Apa yang nampak sekarang ini, banyak kursus yang telah dijalankan dan banyak juga mereka yang telah menamatkan kursus tapi belum banyak kita lihat mereka ini bergiat aktif dalam bidang perniagaan.

Melalui kaedah ini, kita akan dapat menyemai benih, yang nantinya tumbuh menjadi buah yang segar dan manis rasanya untuk negara dan menjadikan pelaburan masa depan seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhan pagi tadi.

Dalam mempelbagaikan ekonomi negara dalam bidang industri yang boleh diterokai dan signifikan dalam isu sampah dan kitar semula. Kita kaitkan dengan masalah sampah yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, tin minuman yang banyak digunakan di negara ini, biasanya dikumpulkan secara berasingan dan dijual kepada ejen yang mengendalikannya.

Apa yang berlaku pada masa ini, syarikat yang mengendalikan kitar semula ini akan menjual balik kepada ejen luar negara seperti Singapura dan seumpamanya. Apakah tidak boleh kiranya barang kitar semula ini diproses di dalam negara ini dengan ditawarkan kepada syarikat tempatan atau *joint venture* dengan syarikat luar negara bagi menghasilkan produk seperti tisu, tin-tin minuman dan seumpamanya. Melalui usaha ini akan dapat menjamin ekonomi serta peluang pekerjaan bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Mengenai dengan teguran dan peringatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai isu sampah, saya menyokong sepenuhnya saranan Yang Berhormat berkenaan bahawa isu sampah dan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

Kita ingin membuat perbandingan kebersihan negara yang sedang membangun dan negara maju di dunia ini. Rakyatnya mengamalkan sikap berdisiplin, pembersih serta bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar. Isu ini banyak bergantung pada budaya cara hidup masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat. Ia memerlukan kesedaran atau *civic minded* dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Kita buat kajian masyarakat yang tinggal di darat dan Kampung Air di sekitar tahun 70-an. Isu sampah dan alam sekitar kurang diberi perhatian ketika itu. Sampah dibuang sesuka hati tanpa menghiraukan keselamatan dan kebersihan. Maknanya budaya 'malas ku ingau' (tidak endah) menjadi warisan hingga kepada generasi sekarang. Kita mengharapkan melalui pendidikan dan teladan daripada ibu bapa dan masyarakat, perkara ini akan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Perlu juga diambil perhatian, kehadiran pekerja asing ke negara kita juga turut menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Banyak didapati mereka juga membuang sampah merata-rata. Misalannya membuang sampah di tepi jalan dan di tempat bukan pembuangan sampah. Maka dicadangkan agar mereka ini akan diberikan kursus serta orientasi mengenai peraturan dan undang-undang negara ini yang perlu dipatuhi, sebelum mereka ini bekerja atau diberi permit kerja melalui majikan masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, saya ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan jika terdapat kelakuan yang sumbang dan tidak menepati kehendak Dewan ini, dalam menyampaikan apa jua ucapan dan cadangan sepanjang Majlis ini berlangsung. Cadangan dan pandangan yang disampaikan adalah berniat baik untuk kepentingan rakyat dan negara kita Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Akhir kalam, kaola jua ingin sama-sama berpantun:-

Rancangan disusun dengan teliti,
Dituntut bersabar dalam menanti,
Rakyat bersyukur kepada Ilahi,
Menuju kemajuan untuk dinikmati.

Prasarana tiada kurang,
Tempat berjaja sudah dibersihkan,
Kurangkan meminta apa yang kurang,
Usaha gigih perlu ditingkatkan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli

Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang kaola hormati sekalian. Kaola lebih dahulu dengan penuh hormat bersetuju dan menyokong sepenuhnya akan Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam yang disampaikan pada sebelah pagi tadi.

Kaola menyambut baik dan menyokong sepenuhnya saranan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tersebut. Setiap rancangan yang difikirkan strategik yang hendak dijalankan seharusnya dikongsikan sama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, bagi mengurangkan soalan-soalan yang kurang strategik yang disuarakan di Dewan yang mulia ini. Ini akan dapat memberi ruang untuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara memfokuskan dirinya membincangkan kepada perkara-perkara yang lebih substantif, walaupun ada hanya sepintas lalu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kurang arif tentang *boundary issue* yang *strategic* itu. Sama jua seperti halnya dengan isu-isu keselamatan negara yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli kerana Jawatan telah dapat merespons dengan baik isu, cadangan dan saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Yang Ahli-ahli Yang Dilantik dengan penuh tanggungjawab selaras dengan apa

yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin memberi sedikit saranan dan pandangan dalam beberapa aspek yang telah dibahaskan bersama-sama semasa permesyuaratan kali kedua belas ini:-

1. Destinasi Pelancongan. Banyak pemikiran, cadangan dan saranan yang telah dibangkitkan itu haruslah ditunduki dan dihalusi sedalam-dalamnya bagi menunjukkan ketulusan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini. Misalannya isu mengembangmajukan destinasi pelancongan di negara ini.

Di Daerah Belait terdapat banyak lokasi yang berbentuk semula jadi yang menarik jika diterokai sepenuhnya selain lokasi yang sedia ada. Jika kita dapat usahakan secara *Public Private Partnership (PPP)* dengan nilai tambah yang bersesuaian, tidak mustahil ia boleh menarik minat para pelancong dalam dan luar negeri untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dan ini akan dapat menyumbang pertumbuhan ekonomi negara;

2. Generasi Berwawasan. Generasi hari ini sangat bertuah kerana prasarana pendidikan dan lain-lain telah dapat disediakan oleh pihak kerajaan dengan secukupnya. Jika dibandingkan dengan generasi-sebelumnya. Generasi hari ini

hendaklah mempunyai iltizam yang tinggi dan jangan mudah rapuh atau cair dalam mengawal diri daripada arus perkembangan globalisasi masa kini. Negara memerlukan generasi yang berwawasan, dinamik dan berdaya saing.

Harus lebih berusaha gigih dan komited dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Adakah kita berpuas hati terhadap prasarana yang kita sediakan untuk belia kita mengharungi cabaran-cabaran masa kini dan masa akan datang jika sebelum menyediakan platform yang kondusif dengan memberi peluang yang bersesuaian untuk mereka berkembang lengkapi mereka dengan ilmu duniawi dan ukhrawi diiringi dengan *mentorship* yang membina dan bantulah perkembangan mereka sehingga Berjaya;

3. Dasar kerajaan yang pro bisnes. Kaola mengalu-alukan dasar kerajaan yang pro-bisnes. *Mindset* kakitangan perkhidmatan awam dalam melayani pelanggan haruslah juga berubah. Iklim bisnes di negara kita tidaklah seperti era sebelum tahun 1994. Bisnes ketika ini boleh dijalankan secara *online* ia mudah dan sesuai dengan inspirasi muda kita. Rancangan dengan *Ease of Doing Business* kita dengan tunjuk ajar yang membina, bantuan kewangan yang berpatutan perlu dihulurkan jika diperlukan.

Bagi memudahkan peniaga muda berkembang kursus-kursus yang relevan harus diteruskan dari semasa ke semasa bagi melengkapkan belia kita untuk menjadikan usahawan yang berjaya. Kita harus mulakan dari sekarang jika ingin melihat belia Negara Brunei Darussalam cemerlang kerana kejayaan itu bukan boleh dicapai dalam sehari *dua Rome is not built in one day* kalau tidak berkecailah harapan negara untuk melihat belia kita menerajui bangsanya menuju ke Wawasan Brunei 2035;

4. Pemedulian terhadap permasalahan rakyat. Alhamdulillah kerajaan masih mampu memenduli komitmen sosialnya dalam membantu dan menghulur bantuan kepada orang yang kurang berkemampuan walaupun menghadapi kegawatan ekonomi namun pihak kerajaan khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah terus memberikan pertimbangan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar susah dan memerlukan bantuan.

Apa yang kita harapkan ialah proses bagi mendapatkan bantuan tersebut hendaklah diharmonisasikan dan dipercepatkan kerana keperluan hidup seseorang insan yang susah itu sangat memerlukan bantuan segera. Ini adalah pengalaman seorang pemimpin akar umbi melayan nasib anak bangsa yang

berpendapatan rendah dalam hati kecil berkata 'apa halnya kalau kita *in their shoes*'. Adakah kita biarkan keadaan sedemikian ini berterusan?. Kita harus mencari penyelesaian dalam jangka panjang bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Memberi peluang pekerjaan dan bisnes kecil-kecilan melalui *term contract* yang bersesuaian dengan tidak mengenakan syarat-syarat yang memberatkan atau membebankan harus dipertimbangkan. Secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan kemiskinan di negara ini.

Dalam masa yang sama, kita berharap agar *mindset* insan yang memerlukan bantuan itu pun juga harus cuba berdikari dengan berusaha kecil-kecilan untuk *generate income* dan janganlah bergantung sangat pada bantuan orang lain; dan

5. Keselamatan negara dengan semboyan yang sering didengar bahawa keselamatan negara adalah tanggungjawab semua. Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengaktifkan semula pengawasan kejranaan yang melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara. Alhamdulillah setakat ini respons sungguh menggalakkan.

Kita menyokong cadangan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mempertimbangkan keahlian pengawasan kejranaan dengan

melibatkan juga *stakeholders* yang berkepentingan di kawasan masing-masing dalam sama-sama menjaga keselamatan negara. Diharapkan juga pihak-pihak yang berkenaan akan dapat membuat pemantauan perkembangannya di samping memohon akan dapat juga menilai kepentingan dan kesejahteraan para pengawas itu sendiri supaya ia akan bertahan dengan lama dan jangan sampai ia terhenti atau terbantut di tengah jalan.

Akhirnya kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengambil kesempatan ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana telah berjaya melicinkan perjalanan Majlis Mesyuarat Negara Kali Kedua Belas tahun ini. Ahli-ahli Yang Berhormat kaola mohon maaf sekiranya terdapat sebarang tutur kata dan tingkah laku yang kurang manis dan yang tidak disenangi tanpa kaola sedari sepanjang sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Sekian sahaja Ucapan Penungguhan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tidak ada pantun Yang Berhormat yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-hli Yang Berhormat. Alhamdulillah akhir kalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 yang telah bersidang mula pada 5 Mac 2016 yang didahului dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah antara lain berbunyi "Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahaskan tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan dan pembaikan".

Titah tersebut telah pun dibincangkan dengan panjang lebar dan penuh teliti serta berhati-hati oleh kita semua untuk diterjemahkan d idalam satu kesimpulan yang amat berharga dan direalisasikan di dalam satu kesimpulan yang amat berharga.

Oleh itu, kita selaku ahli pemikir bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam khasnya, seperti mana petikan titah tersebut di atas dalam

memikirkan keperluan negara dan rakyat kita telah banyak mengemukakan cadangan dan pandangan yang perlu dipertimbangkan, ditangani dan dilihat keperluannya demi kemakmuran rakyat dan negara dalam berbagai-bagai bentuk sama ada sikala besar, mega atau sekecil manapun ia dilihat, semua itu sama dan merupakan satu keperluan untuk rakyat dan negara juga.

Buat akhirnya kaola wakil dari Daerah Belait Kawasan Zon 2 mengambil kesempatan menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat terkasar bahasa dan terlanjur bahasa sepanjang perkhidmatan saya selama 5 tahun yang akan berlalu yang tidak tersengaja dengan diiringi:-

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di atas peti,
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

Kalau ada sumur di ladang,
Terasa dingin ketika mandi,
Kalau kita sihat dan umur panjang,
Jika diizinkan lain kali berjumpa lagi.

Tuan bilal pergi ke pekan sambil
tersenyum,
Hajah Maimun berjalan bertongkat,
Meminta halalkan yang termakan dan
terminum
Dipohonkan doa mendapat berkat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana kita dapat hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Pemesyuaratan Kedua Belas hari ini, membincangkan Perbekalan Tahun 2016/2017. Semua Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian pada membahaskan Peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa semua peruntukan yang sudah diluluskan akan dapat digunakan sepenuhnya pada sesuatu projek yang telah dirancang dan akan dapat disiapkan pada masa yang tertentu.

Sebelum kaola meneruskan Ucapan Penangguhan ini, kaola selitkan dengan serangkap pantun:-

Pak Selamat membeli wajit,
Wajit dibeli di kedai Pak Mat Dasing,
Bulan Mac meluluskan bajet,
Bajet untuk kementerian masing-masing.

Pantun ini ada kaitannya dengan nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya difokuskan Tajuk peruntukan berkenaan maka dengan sebab itu kaola cadangkan bahawa supaya direviu peruntukan yang telah diluluskan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan. Sejauh mana peruntukan ini sudah dibelanjakan pada projek-projek yang dirancang dan supaya dapat diadakan satu perjumpaan bersama Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet sama ada bulan September atau Oktober 2016 bertempat di Dewan yang Mulia ini. Tujuan perjumpaan ini ialah untuk mengenal pasti bahawa perbelanjaan tersebut diurus dengan sebaik-baiknya.

Baru-baru ini mengikut media cetak yang dikeluarkan melalui Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bahawa seramai 10,640 orang yang berumur 18 hingga 59 tahun rakyat Brunei dan Penduduk Tetap mengenai mencari kerja. Tidaklah dinafikan bahawa usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan anak-anak tempatan dalam pasaran kerja di negara ini khususnya di sektor swasta iaitu seperti Skim Meningkatkan Tahap Pengetahuan dan Kemahiran dengan Latihan Skim Mahasiswa-Mahasiswa Khas antara Skim Biasiswa Pendidikan, Teknikal dan Vokasional di Institusi

Pengajian Swasta di dalam negeri dan Skim Latihan Pekerjaan.

Walau bagaimanapun bahawa pengambilan anak-anak tempatan agak terhad kerana mereka ini tidak mempunyai kemahiran seperti mana yang dikehendaki oleh sektor swasta berkenaan.

Selain dinyatakan di atas, apalah jua kiranya diwujudkan Pusat Latihan Kemahiran untuk latihan perladangan, ternakan dan nelayan. Ini adalah persediaan bagi mereka yang masih mencari kerja. Dengan adanya pusat sedemikian bahawa ada peluang pencari kerja yang berminat untuk ikut serta dalam bidang masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di Pertua. Ini masalah perikanan. Tidaklah dinafikan bahawa Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah berusaha membantu pengusaha-pengusaha tempatan untuk memenuhi keperluan sendiri seperti projek memelihara ikan dalam sangkar, udang dalam kolam dan sebagainya.

Pada masa ini kita masih mengimport ikan dari luar negeri sama ada basah mahupun beku. Dalam hubungan ini, kaola sarankan kementerian berkenaan membuka Pusat Latihan Perikanan dan Laut Dalam serta Skim Bantuan kepada belia yang berminat sebagai nelayan. Dengan adanya pusat sedemikian akan melahirkan nelayan yang berkemahiran bukan sahaja nelayan pantai tetapi juga sebagai pengusaha laut dalam.

Di samping itu peluang pekerjaan dan pengusaha anak tempatan bukan sahaja menggunakan bot kecil tetapi kapal khas menangkap ikan seperti mana di negara yang maju dalam bidang ini dan mengurangkan pengimportan ikan dari luar negeri.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penungguhan ini. Kaola sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan kerjasama semua pihak. Apa jua dibahaskan dalam sesuatu Tajuk Peruntukan Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dapat diselesaikan kerana Yang Berhormat Yang Di Pertua sendiri memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakan sejawatan di sebelah sini. Begitu juga jawapan-jawapan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan sekiranya belum dapat dijawab pada masa ini, Yang Berhormat berkenaan meminta tangguh dan akan dijawab esok ataupun sebaliknya. Ini satu peningkatan dan memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Abis kaola sebelah sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Di samping itu kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis kerana berganding bahu pada menjalankan tugas masing-masing, lebih-lebih lagi dengan bantuan mereka yang mengenal pasti Yang Berhormat selain sebelah sini untuk becakup lagi, kaola mengucapkan terima kasih.

Sebelum mengakhiri, ini bukan berpantun. Baru-baru ini, Negara Brunei

Darussalam ikut serta memadam lampu selama 1 jam (dari pukul 8.30 malam hingga 9.30 malam). Apakah jua kiranya pada masa akan datang membaca doa selamat dan kesyukuran sesuai dengan falsafah negara kita Melayu Islam Beraja dan sebagai sebuah Negara Zikir. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penungguhan seterusnya yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Alhamdulillah Rabbil'alameen
Wassalaatu Wassalaamu Alaa Asyrafil Mursalien, Sayidina Muhammadin, Waalaa Aalihie Wasahbihie Ajma'ien. Amma Ba'du. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Peruntukan Belanjawan 2016/2017 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Dengan kebijaksanaan dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat juga penduduk dan rakyat di negara ini menikmati kemakmuran dan kesejahteraan dari Peruntukan Tahun Kewangan 2016/2017 Walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi kesan turunnya harga minyak dunia.

Oleh itu mewakili penduduk dan rakyat Daerah Tutong kaola menyembahkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola berharap semoga peruntukan yang telah diluluskan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk projek yang telah dirancang dengan teliti dan berjimat cermat.

Dalam kesempatan ini kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini, maka majlis berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh mesra dan harmoni dan kadangkala menghiburkan.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan kerana sedaya upaya dapat memberikan jawapan dan penjelasan terhadap soalan dan cadangan kaola. Begitu juga

ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat yang Dilantik dari Daerah Tutong khususnya Zon 2 dan selaku pemimpin akar umbi yang banyak memedulikan hal kesejahteraan anak buah setentunya dalam mesyuarat ini membawa juga sedikit isu yang dianggap tidak bersesuaian di dalam Dewan yang mulia ini tapi oleh sebab kesejahteraan anak buah yang belum terlaksana maka isu-isu yang dianggap kecil ini terpaksa juga dibawa dalam mesyuarat ini, kaola bersandar dan menyahut kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang menekankan.

Janganlah sahaja semua isu dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan ia perlu juga dilihat apa yang sudah dicapai jika belum tentunya masih ada pembaikan.

Berhubung dengan perkara susulan pelaksanaan dan pencapaian ini, kaola

lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak berkenaan atas pembinaan kolam tadahan pencegahan banjir di Daerah Tutong sekurang-kurangnya telah mengurangkan banjir. Walau bagaimanapun ada antara kolam tadahan ini tidak dapat menampung limpahan air malah banjir berlaku apabila hujan lebat hanya dalam masa 2 ke 3 jam sahaja.

Di kawasan yang tidak pernah berlaku banjir sebelumnya. Misalannya di kawasan Jalan Ikas Bandung Kampung Kupang. Walaupun Kampung Kupang bukan dalam Zon yang kaola wakili tetapi kami Yang Berhormat Daerah Tutong tetap bersatu dan bekerjasama dalam memedulikan persoalan rakyat dan penduduk Daerah Tutong.

Harapan penduduk kawasan tersebut supaya ada susulan penyelidikan dan pantauan tentang kolam tadahan ini agar masalah yang dihadapi penduduk ini dapat diselesaikan. Begitu juga diharapkan ada pemantauan dan penyelidikan oleh pegawai luar yang berkenaan terhadap projek kerajaan di negara ini untuk memastikan projek ini terlaksana dengan sempurna dan berbaloi dengan perbelanjaan yang diperuntukan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kaola berjanji akan cuba bekerjasama dengan keupayaan yang ada pada kaola kepada pihak yang berkenaan dalam menghidangkan saranan atau buah

fikiran mengenai cara mengurangkan kebergantungan pada sumber minyak dan gas. Iaitu bagaimana negara dapat menjana pendapatan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat. Antaranya ialah memfokuskan ke arah memperkukuhkan asas sektor pertanian dan agrimakanan serta industri pelancongan adalah di antara yang mesti diangkat menjadi sebahagian penyumbang utama.

Daerah Tutong mempunyai berbagai-bagai perusahaan yang telah dilaksanakan seperti ternakan udang, ternakan ikan dalam kolam, ternakan ayam, malah mempunyai kilang memproses makanan dan minuman, kilang memproses ikan dan udang, perusahaan kebun buah-buahan, padi dan sayur-sayuran.

Oleh itu, jika sumber asas yang disebutkan tadi dipertingkatkan secara terancang dan sistematik maka Daerah Tutong mampu menjadi pusat permakanan halal atau halal dan berpeluang menambah lagi produk yang boleh dieksport.

Tambahan pula sektor pertanian dimajukan di sepanjang jalan yang baharu dibuka iaitu di sepanjang Jalan Empangan Nyamuk di hulu Tutong dengan diberi peluang kepada penduduk tempatan mengusahakannya kerana dengan adanya perusahaan ini secara tidak langsung akan bertambahnya penduduk yang boleh mencegah daripada kemasukan pendatang haram dan penyeludupan menerusi jalan tikus di kawasan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sektor pelancongan boleh membantu mempelbagaikan ekonomi negara kerana ia boleh berperanan sebagai pemasaran meningkatkan sumber hasil pertukaran asing dan mempromosi produk di negara ini keluar negara dan berupaya untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian yang boleh menjana peluang pekerjaan. Oleh itu, beberapa sumber asli atau produk yang sudah ada penting diketengahkan dan dimajukan serta diperbisaikan (dielokkan) untuk destinasi pelancongan dalam dan luar negara. Agar dapat memberikan hasil yang lumayan kepada negara ini.

Misalannya penambahbaikan unsur tradisional seperti kesenian dan kebudayaan dan pemakanan tradisional dalam perkampungan budaya etnik Daerah Tutong dan juga mengangkat dan membina unsur warisan seperti muzium dan galeri Daerah Tutong dan menambah artifak-artifak antarabangsa, memperkenalkan sejarah atau legenda setempat, mengadakan kalendar tahunan untuk melawat Brunei dengan mempromosi hari perayaan, sukan negara, mengadakan pertandingan antarabangsa dan mempromosi tempat menarik dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat, selain itu, keperluan juga untuk mendatangkan tenaga pakar ke Perlembagaan Industri iaitu sebagai usaha lanjutan untuk mengisi keperluan negara menjelang Wawasan Brunei 2035. Agensi-agensi

kerajaan telah dipertanggungjawab membangunkan sumber tenaga manusia dengan memperlengkapkan berbagai-bagai kemahiran kepada anak-anak tempatan. Maka ke arah ini pelbagai skim patut disediakan bagi mempertingkatkan dan memperbaiki taraf akademik dan kemahiran dalam bidang masing-masing.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya suatu hari nanti Pusat Pembangunan Kemahiran berkaitan dengan industri dibangunkan di Daerah Tutong. Pusat ini nanti berfungsi meningkatkan kemahiran pelajar tentang industri berkenaan untuk mewujudkan perubahan tatacara kerja yang lebih efisien bagi menyediakan pekerja mahir, separuh mahir dan pekerjaan anak tempatan. Terutama untuk mengisi peluang pekerjaan 3D yang masih dimonopoli oleh pekerja asing.

Pada tahun 50-an tidak ada sekolah kemahiran tetapi bapa dan nenek kita yang bekerja membina jalan, yang mencangkul longkang, yang membina bangunan, bekerja balak dan melakukan berbagai-bagai kerja 3D. Apa lagi zaman sekarang sudah ada kursus dan bengkel kemahiran sudah tentunya boleh melakukan pekerjaan berkenaan. Kita tidak mahu dengan pengambilan pekerja asing menjejaskan peluang anak tempatan untuk berkerja atau pemberhentian pekerjaan anak tempatan.

Dalam hal ini, pemberhentian pekerjaan anak tempatan oleh sebahagian syarikat

sudah setentunya menambahkan pengangguran dan gejala meminta bantuan tidak akan berhenti. Gejala meminta-minta bantuan ini memang sebagai pengalaman biasa bagi abis kaola sebagai pemimpin akar umbi, sebagai saluran dan juga tempat meminta-minta. Sudah tentunya pihak berkenaan ada garis panduan meneliti dan membuat penyiasatan dari pekerja bawahan yang lebih mengetahui akan persoalan rakan sejawatan mereka dan bukannya penyiasatan sebelah pihak sahaja.

Akhirnya kaola memohon berbilang-banyak ampun dan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan andainya terdapat kesilapan dan kecacatan kaola sepanjang permesyuaratan.

Diharap apa jua yang menyinggung perasaan hendaknya jangan di simpan di dalam hati dan sama-samalah kita berdoa semoga apa jua hasil dari permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sebagai penutup kaola persembahkan pantun berkait:-

Pantai indah barat tenggara,
Pasukan Telus mudik terlenu,
Selesai sudah Mesyuarat Negara,
Peruntukan lulus projek dibina.

Pasukan Telus mudik terlena,
Mudah terkena tangan tersela,
Peruntukan lulus projek dibina,
Sudah sempurna jangan tercela.

Mudah terkena tangan tersela,
Juara benua saingan lencana,
Sudah sempurna jangan tercela,
Pelihara semua dengan sempurna.

Juara benua saingan lencana,
Jarum percuma sungai dipinta,
Pelihara semua dengan sempurna,
Harum nama Brunei tercinta.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Dimulikan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang terakhir daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya Walmursalin Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Yang Dilantik Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah

disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia lagi indah ini.

Alhamdulillah, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas telah pun sampai ke penghujungnya. Di Dewan yang mulia lagi indah ini, marilah kita sama-sama mensyukuri atas limpah rahmat dan nikmat rezeki Allah Subhanahu Wata'ala kepada rakyat dan negara dan dengan berkat daulat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam negara kita sentiasa aman damai dan makmur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sungguhpun kita semua menyedari bahawa pada hakikatnya kemampuan kewangan negara dalam keadaan terhad iaitu kesan terjejasnya pendapatan negara ekoran kejatuhan harga minyak ketika ini. Namun kerajaan di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang berdaulat dan kita kasihi masih saja mampu untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang

besar untuk Tahun Kewangan 2016/2017.

Ini membuktikan komitmen penuh kerajaan baginda untuk memastikan kelancaran pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan yang lebih utama lagi menyediakan berbagai-bagai bentuk kemudahan demi kesejahteraan rakyat negara ini. Segenap lapisan rakyat negara ini seharusnya prihatin dengan situasi semasa ekonomi negara dan memahami keadaan yang sebenarnya dan dalam masa yang sama terus menyokong dan mendukung apa usaha berterusan kerajaan untuk memastikan keselesaan, keamanan dan keharmonian dalam masyarakat serta keperluan dan kepentingan rakyat sentiasa terpelihara.

Di samping itu semua pihak sewajarnya memainkan peranan masing-masing untuk membantu agensi-agensi yang berkenaan untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola bagi mewakili segenap lapisan rakyat dan penduduk Daerah Temburong menyambut baik apa jua perancangan yang akan disusun atur oleh semua kementerian yang akan dilaksanakan pada masa hadapan termasuklah juga projek-projek yang sedia ada yang sedang giat dan rancak dilaksanakan.

Namun demikian harapan dan ekspektasi orang ramai ialah untuk ingin melihat dan menikmati hasil pelaksanaan projek berkenaan. Apa

yang kita sama-sama harapkan ialah semua perancangan dan projek yang dilaksanakan akan berjalan mengikut jadual dan dapat disiapkan tepat pada masa yang ditetapkan.

Dalam usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pendidikan sekolah-sekolah di negara ini merupakan saluran utama dalam usaha memberikan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna kepada rakyat. Khususnya generasi muda yang bakal mencorakkan masa depan negara. Berbagai-bagai usaha pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah dan sedang dilaksanakan ke arah ini. Pada pengamatan kaola sudah setentunya tempat belajar dan pengajar yang cukup sempurna, selesa dan kondusif amatlah diperlukan.

Kaola percaya pihak yang berkenaan mempunyai strategi dan perancangan dalam perkara yang dimaksudkan. Kita semua menyedari bahawa persekitaran pembelajaran yang selesa dapat membantu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan yang demikian pelajar kita akan dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih baik dan tekun belajar untuk menjadi lebih berpendidikan, matang dan mempunyai daya tahan, seiring dengan hasrat dan harapan kerajaan untuk memastikan Wawasan Brunei 2035, tercapai dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola di Dewan yang mulia ini, sukacita merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kaola kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan. Perkara yang diambil berat oleh pihak kementerian menjanjikan untuk membangun secepat yang mungkin Sekolah Menengah Sultan Hassan yang ditempatkan di bangunan sementara dan *portable cabin*, iaitu membina bangunan kekal bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan Majlis yang indah ini, sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keprihatinan baginda yang mendalam kepada rakyat baginda.

Abis kaola berdoa Ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda akan sentiasa dalam peliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam

yang sama-sama kita cintai ini. Amin Ya Rabbal Alamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kaola mengundur diri kaola iringi dengan 3 rangkap pantun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana,
Mempengerusikan sidang cukup sempurna,
Soalan diterima adil dan saksama,
Untuk kepentingan rakyat dan Negara.

Yang Berhormat Menteri yang kaola hormati,
Soalan dijawab penuh ikhlas dan bersungguh hati,
Terima kasih eloknya budi,
Menjadi ingatan kekal abadi.

Naik junjung berhidang makan,
Sudah penat mengetam padi,
Salah dan silap mohon maafkan,
Jangan disimpan di dalam hati.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar Ucapan-Ucapan Penanggulangan daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang mengandungi beberapa sasaran dan kenyataan dan nampaknya telah menjual beberapa rangkap pantun oleh setiap Ahli Yang Berhormat.

Jadi, untuk membolehkan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan untuk mengamat-amati pantun-pantun yang dijual tadi, maka saya kira sangat berpatutan bagi Majlis Mesyuarat ini kita tangguhkan sehingga esok hari dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada hari Selasa, 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 22 Mac 2016, pada pukul 10.00 pagi.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)